

Rabu, Nov 14 2018

Fiskal lemah bukan alasan naik kadar

BH 14/11/18

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi jaminan tidak akan menaikkan cukai korporat yang ketika ini pada kadar 24 peratus dalam tempoh terdekat walaupun berdepan kedudukan fiskal yang lemah, kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Beliau berkata kerajaan akan mengekalkan kadar sedia ada itu malah berpotensi dikurangkan jika kedudukan fiskal kerajaan bertambah baik.

“Saya rasa tahap atau kadar cukai korporat boleh dikurangkan daripada 24 peratus ketika ini, tetapi sudah tentu ini bukan masanya.

“Apabila kedudukan fiskal kita pulih semula, dapat melihat hutang kerajaan dikurangkan, tetapi (pengurangan cukai korporat) bukanlah sekarang, dalam jangka pendek atau pertengahan.

Tiada kenaikan cukai korporat

“Namun mesej yang ingin kerajaan sampaikan ialah tiada kenaikan cukai korporat oleh kerajaan buat masa ini,” katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada

perasmian Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK) 2018, di sini, semalam.

SPK adalah satu program pendidikan percukaian anjuran LHDN setiap tahun dan diadakan sebaik sahaja selesai pembentangan belanjawan tahunan.

Seminar itu yang memasuki kali ke-36 penganjurannya sejak tahun 1974, dan pada tahun ini akan diadakan di 24 lokasi di seluruh negara.

Dalam perkembangan lain Guan Eng, berkata kerajaan akan mula membayar semula pulangan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan cukai pendapatan berjumlah RM37 bilion kepada syarikat dan individu yang terbabit bermula awal tahun depan.

“Jadi boleh dikatakan perkara membatalkan pulangan semula GST dan cukai pendapatan sudah selesai,” katanya.